
TAREQAT
AS-SYAZILIYYAH
DALAM DAULAH
UTHMANIYYAH

Tareqat As-Syaziliyyah Dalam Daulah Uthmaniyyah

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Malizi

Alih bahasa :
Us. Rahmat Muhammad As-Syazili

Diterbitkan oleh :
Zawiyah Sydna Abul Hasan As-Syazili
Lot 177, Jalan Balai Panjang, Kg. Durian Daun,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
+60 18-662 7025

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa & hakcipta terjemahan :
© Ust. Rahmat Muhamad As-Syazili,
Wakil Tareqat As-Syaziliyyah Negeri Sembilan

Terbitan pertama :
Rabi`ul Awwal 1448H/Ogos 2026M

Majālis Ar-Rahmatul Muhdāh
https://t.me/+ABsgA4KYIXplZWRI

Sekapur Sireh

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحَمدُ لِلّٰهِ وَالشُّكرُ لِلّٰهِ وَالفَضلُ لِلّٰهِ وَالمَنُّ لِلّٰهِ

Alhamdulillah, segala puji dan syukur bagi ALLAH, segala kelebihan dan kurnia budi adalah milik ALLAH. DIA telah berfirman dalam Kitab-NYA yang mulia :

﴿فَانظُر إِلَىٰ آثَارِ رَحمَتِ اللهِ كَيفَ يُحيِي الأَرضَ بَعدَ مَوتِهَا إِنَّ ذٰلِكَ لَمُحيِي المَوتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيءٍ قَدِيرٌ﴾

"Maka lihatlah kepada kesan-kesan rahmat ALLAH; bagaimana DIA menghidupkan bumi setelah matinya. Sesungguhnya DIA benar-benar menghidupkan mereka yang telah mati, dan DIA Maha Berkuasa atas tiap sesuatu",

dan lagi firman-NYA:

﴿وَأَدخَلنَاهُم فِي رَحمَتِنَا إِنَّهُم مِنَ الصَّالِحِينَ﴾

"Dan KAMI masukkan mereka ke dalam rahmat KAMI. Sesungguhnya mereka termasuk dalam kalangan orang-orang yang soleh",

dan firman-NYA lagi:

﴿إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسلِيمًا﴾

"Sesungguhnya ALLAH dan para malaikat-NYA terus berselawat ke atas Nabi. Wahai sekalian orang yang beriman! Hendaklah kalian berselawatlah ke atas Baginda dan ucapkanlah salam ke atasnya akan sebagai salam yang sempurna".

LabbaikALLAHumma labbaik! Kami menyahut seruanMU, ALLAHumma kami menyahut seruanMU! Tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan ALLAH Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ بِسَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ﷺ أَزَلًا وَأَبَدًا ❊ وَعَلَى وَالِدَيهِ الكَرِيمَينِ وَأَهلِ بَيتِهِ وَآلِهِ وَأَصحَابِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجمَعِينَ ❊

"ALLAHumma limpahkanlah selawat ke atas Saiyidina Muhammad dengan kemuliaan Saiyidina Muhammad ﷺ sejak azali hingga abadi. Dan limpahkanlah juga selawat ke atas kedua ayah bondanya yang mulia, ahli baitnya, keluarganya, para sahabatnya serta zuriat Baginda sekaliannya".

Dengan penuh gembira, sukacita dan ceria, dengan hati yang riang ria, jiwa kita

segar dan segala hajat kita dipermudahkan setiap kali kita membicarakan satu taman daripada taman-taman para junjungan ahli sufi yang telah mencapai *maqam Aṣ-Ṣiddīqiyyah*. Sebagaimana sabda penghulu junjungan kita yang termulia Nabi yang *ummiy* lagi utama ﷺ :

العُلَمَاءُ وَرَثَةُ الأَنبِيَاءِ

"Para ulama adalah pewaris anbiya",

dan tentunya mereka mencapai *maqam* pewaris itu setelah mereka menempuh jalan Akhirat, iaitu jalan menuju kepada ALLAH تَعَالَى -yakni mengenal ALLAH تَعَالَى-.

Kemudian daripada kalangan mereka dipilih dan diistimewakan pula sebahagian daripada mereka. Mereka terus meningkat darjat melalui perjalanan dan perpindahan dari satu *ism Ilahi* kepada *ism Ilahi* yang

berikutnya, sehingga mereka sampai kepada apa yang ALLAH تَعَالَىٰ kehendaki untuk mereka capai. Di sanalah perhimpunan para kekasih; Saiyidina Muhammad, keluarga dan para sahabatnya.

Semua itu mereka perolehi setelah usaha yang gigih dan tekun; bermujahadah dengan jiwa, harta dan segala yang mereka miliki dalam alam materi mereka, agar cahaya-cahaya maknawi terpancar kepada mereka. Agar dengan itu tercapailah martabat *al-qurb* (dampingan) dan *al-wilāyah* (kewalian), lalu ALLAH pun mengkhabar mereka dengan gembira bahawa mereka termasuk dalam kalangan para wali ALLAH yang soleh.

﴿ذَٰلِكَ فَضلُ اللهِ يُؤتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللهُ ذُو الفَضلِ العَظِيمِ﴾

"Yang demikian itu ialah kurnia ALLAH; DIA memberikannya kepada sesiapa yang DIA kehendaki. Dan ALLAH mempunyai kurnia yang sangat besar", dan ALLAH Maha Berkuasa atas apa sahaja yang DIA kehendaki.

Keinginan Setiap Hati Nurani

Di zaman ini, semua orang tanpa kecuali -selagi dia tidak terpengaruh oleh bisikan-bisikan syaitan, tidak mendekati kekotoran syaitan dan tidak membiarkan kekeruhan nafsu mempengaruhi dirinya- mempunyai suatu keinginan yang tersembunyi dalam hati, jiwa, akal dan perasaannya untuk mencari role model serta *ṣuhbah* (berkawan/berdamping) dengan mereka yang soleh, yang

membawanya menuju kesempurnaan-kesempurnaan insan, serta peningkatan rohani yang bersifat Islam, iman, ihsan, rahmani, rabbani dari Ilahi.

Keinginan ini tidaklah sembunyi daripada setiap orang yang berakal, cerdas, tajam pemikirannya, peka dan pada dirinya ada sifat kebaikan dan kesolehan, serta sangka baik kepada ALLAH dan Rasul-NYA dan para hamba-NYA yang soleh. Dalam dirinya juga terdapat sisi-sisi yang bersedia untuk mencapai peningkatan dan kemuliaan dalam adab, tata susila dan akhlak yang membawanya kepada sebahagian atau beberapa bahagian daripada darjat kemuliaan akhlak Baginda Nabi عَلَى صَاحِبِهَا مِنَ اللهِ تَعَالَى أَفضَلُ صَلَاةٍ وَأَزكَى سَلَامٍ وَأَعلَى تَحِيَّةٍ.

صَلِّ اللّٰهُمَّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصحَابِهِ وَأَحبَابِهِ وَأَنصَارِهِ وَوُرَّاثِهِ وَكُلِّ مَدُودٍ مِنهُ ﷺ

"ALLAHumma limpahkanlah selawat ke atas Saiyidina Muhammad, serta ke atas keluarga, para sahabat, para kekasih, para penolong dan para pewarisnya, serta setiap insan yang beroleh madad daripadanya ﷺ".

Dalam buku ini yang ku aturkan ia dengan judul **"Tarekat Syaziliyyah Dalam Daulah Uthmaniyyah"**, bicaranya mencakup Tarekat Syaziliyyah, Tarekat Rifa'iyyah, Tarekat Qadiriyyah, Tarekat Naqsyabandiyyah dan juga berbagai tarekat sufi yang berakar daripada sumber-sumber asal serta cabang-cabang yang lahir daripadanya. Kesemuanya merupakan tarekat yang bersifat *sunni, Islāmi, imāni, ihsāni, rahmāni, rabbāni, Ilāhi, nabawi, rasūli, şalihi, kewalian* dan *şiddīqi*. Namun

benarkanlah buku ini untuk memfokus kepada Tarekat As-Syaziliyyah Ad-Darqawiyyah di kota Istanbul, khususnya cabang yang bersambung sanadnya kepada Syeikh segala masyayikh, Saiyidina As-Syeikh Al-`Arabi Ad-Darqāwi As-Syāzili serta khalifah beliau Saiyidina As-Syeikh Muhammad Hasan Zafir Al-Madani yang dilahirkan di Kota Madinah Al-Munawwarah. Beliau kemudian diberi izin untuk menyebarkan Tarekat Syaziliyyah di wilayah Libya; Tripoli dan Misrata.

Mencari Syeikh

Bagaimanakah dalam umur yang masih muda (Syeikh Muhammad Hasan Zafir Al-Madani) berangkat dari Madinah Al-Munawwarah lalu merantau ke pelosok negeri Maghribi setelah mendengar tentang adanya seorang wali yang *Quthb*

lagi *Ghauts* di sana. Orang muda ini mengucapkan selamat tinggal kepada kaum keluarga, sanak saudara, para kekasih dan sahabat-sahabatnya di Madinah dengan niat bahawa dirinya mungkin akan kembali kepada mereka, atau mungkin juga tidak akan kembali. Perjalanan yang panjang dan amat sukar pun dimulai; ada kalanya berkenderaan, namun pada kebanyakan waktu hanya berjalan kaki menuju kepada syeikh yang dicari dan ditujui di perkampungan Bani Ahmad, Bani Zarwal.

Akhirnya berhimpunlah dia dengan *Şohibul Waqt* (Pemilik Zaman-nya) Maulay As-Syeikh Al-`Arabi Ad-Darqawi As-Syazili رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Saat pertemuan itu, Syeikh bertanya kepadanya: “Siapakah namamu wahai anakku, dan dari negeri mana datangmu?” Dia menjawab: “Hamba

datang kepadamu Tuan, wahai Sidi Syeikh, dari Madinah Al-Munawwarah kota Al-Mustafa Saiyidina wa Maulana Muhammad ﷺ, agar sudilah apa kiranya Tuan menerima diriku, memandang kepadaku dan memimpin tanganku menuju ALLAH تَعَالَى".

Mendengar jawapan itu, Maulay Al-`Arabi Ad-Darqawi As-Syazili tersentuh perasaannya. Air matanya mengalir lalu beliau menangis seraya berkata:

> "Duhai anakku, selamat datang buatmu. *Ahlan wa sahlan wa marhaban*! Engkau datang dari kota Baginda Nabi yang paling berharga daripada segala yang wujud; engkau datang dari sisi Penghulu segala yang diwujudkan dan sebab

bagi segala yang diadakan - Saiyidina wa Maulana kekasih kami, pemberi syafaat kami, ikutan kami dan tempat kami berlindung, Kekasih ALLAH, Saiyidina wa Maulana Muhammad RasuluLLAH ﷺ-.

Aku akan memberikan kepadamu, aku akan memberikan kepadamu dan aku akan terus memberi kepadamu.

Demi ALLAH, wahai anakku, sekiranya seekor anjing datang kepada kami dari Madinah Al-Munawwarah, nescaya kami akan menjadikannya daripada kalangan awliya'. Maka bagaimana pula dengan seseorang yang dilahirkan

di Madinah al-Munawwarah, yang hidup di Ṭayyibah aṭ-Ṭayyibah, yang dia adalah warga Madinah al-Munawwarah dan jiran kepada Saiyidina wa Maulana Muhammad RasuluLLAH ﷺ. Maka bagaimana mungkin aku tidak memberi kepadanya?"

Masuklah Rumah Dari Pintunya

Menakjubkan dan amat luar biasa! Lihatlah pemuda ini; dia merantau dari Madinah al-Munawwarah, mencari seorang syeikh yang dapat membawanya sampai kepada Baginda Nabi ﷺ, sedangkan Baginda sendiri merupakan jirannya di Madinah Al-Munawwarah. Pada makna ini, Robbana Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung telah berfirman dalam Kitab-NYA yang agung lagi mulia:

﴿وَلَٰكِنَّ ٱلبِرَّ مَنِ ٱتَّقَىٰۗ وَأۡتُوا البُيُوتَ مِن أَبوَابِهَا وَاتَّقُوا اللهَ لَعَلَّكُم تُفلِحُونَ﴾

"… akan tetapi, kebajikan itu ialah kebajikan orang yang bertakwa. Dan masuklah ke rumah-rumah melalui pintu-pintunya, serta bertakwalah kepada ALLAH agar kamu beroleh kejayaan".

Lantas menetaplah si murid bersama syeikhnya sehingga syeikh berpindah ke sisi Tuhannya Yang Maha Pemurah.

Kemudian dia pun meneruskan perjalanan pulang ke Madinah Al-Munawwarah. Tatkala melalui wilayah Libya dan melihat kota Tripoli, datang kepadanya izin agar dia menetap di tempat itu, mendirikan zawiyahnya dan mendidik

para wali di Libya. Beliau masyhur dengan kata-katanya:

الشَيخُ يَصنَعُ الأَوليَاءَ ❊ وَالأَوليَاءُ يَتَخَرَّجُونَ مِن جَامِعَةِ شَيخِ الطَّرِيقَةِ الصُّوفِيَّة ❊

"Seorang syeikh akan melahirkan para wali, dan para wali adalah graduan dari universiti syeikh tarekat sufi", semoga ALLAH meredhoi mereka dan mencapaikan keredhoan buat mereka sekalian.

Mata Rantai Tareqat

As-Syeikh Muhammad Hasan Zafir Al-Madani melahirkan ramai khalifah yang mencapai maqam *da'wah* dan *irsyād* (menyeru dan membimbing) kepada ALLAH تَعَالَى. Dalam kesempatan ini, kami menyebut tiga orang khalifah beliau sebagai contoh :

Khalifahnya yang pertama ialah pemilik Selawat Al-Fāsiyyah, Saiyidina As-Syeikh Muhammad Bin Muhammad Bin Mas`ud Al-Fasi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Beliau ialah syeikh dan guru mursyid yang menjadi sebab terbukanya jalan kerohanian bagi Saiyidina Al-Amir Abdul Qadir Al-Jazairi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم.

Khalifahnya yang kedua ialah putera kesayangannya, Saiyidina As-Syeikh Muhammad Zafir Bin Muhammad Hasan Bin Zafir Al-Madani yang menyebarkan Tarekat Syaziliyyah dalam tubuh Kerajaan Uthmaniyyah. Sultan Abdul Hamid II - semoga ALLAH mensucikan rohnya- merupakan salah seorang murid sejatinya. Baginda membina sebuah zawiyah untuk syeikhnya ini berhampiran istananya di pinggir Istanbul. Baginda Sultan amat

mengambil berat untuk menghadiri majlis mingguan syeikh setiap lepas solat Jumaat. Apabila Syeikh Muhammad Zafir Bin Muhammad Hasan Al-Madani As-Syazili wafat, Sultan Abdul Hamid II pun menyambung perguruannya kepada Saiyidina As-Syeikh Mahmud Abu As-Syāmāt As-Syazili yang tinggal di Dimasyq As-Syam.

Syeikh Mahmud adalah khalifah kepada Syeikh Ali Nuruddin Ibn Yasyruth yang tinggal di Lubnan. Syeikh Ali Nuruddin Ibn Yasyruth pula mengambil tarekat daripada Saiyidina As-Syeikh Muhammad Hasan Zafir Al-Madani, yang tinggal di Misrata, Libya.

Syeikh Muhammad Hasan Zafir Al-Madani mengambilnya daripada Syeikh segala masyayikh, Maulay Al-`Arabi Ad-

Darqawi As-Syazili yang tinggal di Bani Zarwal yang terletak di antara kota Chefchaouen dan kota Fes. Dan Syeikh Ali Nuruddin Ibn Yasyruth merupakan khalifah ketiga bagi gurunya Syeikh Muhammad Hasan Zafir Al-Madani As-Syazili.

Warkah Sultan Abdul Hamid II

Di kesempatan ini, inginlah aku menyiarkan warkah Sultan Abdul Hamid II kepada syeikhnya Mahmud Abu As-Syāmāt, setelah syeikh agung baginda berpindah ke alam baqa. Dalam warkah itu baginda menjelaskan kepada beliau peristiwa-peristiwa terakhir yang berlaku dalam Daulah Uthmaniyyah. Warkah ini aku nukil secara langsung daripada siri kitab yang diterbitkan oleh Syeikhul Islam, Syeikhul Akbar, Saiyidina Al-Ustaz Dr. Abdul Halim Bin Mahmud Al-Husaini رَضِيَ

رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم dalam mukadimah kitab beliau yang berjudul **"Abu Al-Barakat Sidi Ahmad Ad-Dardir"** رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Warkah tersebut telah sampai kepada beliau melalui keturunan Syeikh Mahmud Abu As-Syamat As-Syazili :

يَا هُو

وَبِهِ نَستَعِين

الحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊ وَأَفضَلُ السَّلَامِ وَأَتَمُّ التَّسلِيمِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ أَجمَعِينَ وَالتَّابِعِينَ إِلَى يَومِ الدِّينِ ❊

"Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH Tuhan alam semesta. Salam yang paling afdhal

dan salam yang paling sempurna ke atas Saiyidina Muhammad utusan Robbil Alamin, berserta ahli keluarga, sekalian sahabatnya dan para pengikutnya sehingga ke hari pembalasan".

Beta merafakkan warkah ini kepada Syeikh Tareqat As-Syaziliyyah nan tinggi, kepada beliau yang memberi limpahan rohani dan kehidupan, kepada mahaguru ahli zamannya Tuan Syeikh Mahmud Afendi Abu As-Syāmāt, dan beta mengucup kedua tangannya yang penuh berkat seraya memohon doa-doanya yang baik-baik.

Sesudah menyatakan penghormatan, beta telah menerima surat Tuan yang bertarikh 22 Mac tahun ini, dan beta memuji syukur kepada Tuhan kerana Tuan berada dalam kesihatan dan kesejahteraan

yang berkekalan. Tuanku, sesungguhnya dengan taufik dari ALLAH تَعَالَى beta kekal mengamalkan bacaan wirid-wirid Syaziliyyah siang malam. Beta nyatakan bahawa tetaplah beta berhajat kepada doa-doa Tuan sepenuh hati sepanjang masa.

Sesudah mukaddimah tadi ingin beta nyatakan kepada hadrat kecerdasan Tuan dan kepada mereka yang seperti Tuan para iaitu pemilik kelapangan jiwa dan akal sejahtera akan masalah penting dibawah sebagai sebuah amanah yang dipikul oleh bahu sejarah. Sesungguhnya tidaklah beta melepaskan jawatan khalifah Islam kerana suatu sebab melainkan terpaksa; kerana berbagai tekanan dan ugutan dari para pemimpin Perkumpulan Al-Ittihad yang dikenal dengan nama *The Young Turks*.

Mereka dengan amat gigihnya terus mendesak agar beta memperkenankan penubuhan negara bangsa Yahudi di Tanah Suci Palestin. Walaupun begitu keras desakan mereka beta sama sekali tidak pernah mengkabulkan tuntutan itu. Akhirnya mereka menjanjikan persembahan 150 juta pound emas British, namun tawaran itu juga beta tolak mentah-mentah. Beta telah menjawab tuntutan mereka dengan kata putus :

> *"Sesungguhnya, kalaupun kalian membayar kepada kepada beta emas sepenuh bumi -apalah sangat dibanding 150 juta pound emas British itu- beta secara muktamad tetap tidak akan memperkenankan tuntutan kalian.*

Bahawa beta telah berkhidmat kepada umat Islam dan umat Saiyidina Muhammad selama lebih 30 tahun dan tak pernah beta mencemar perjalanan mulia kaum Muslimin para nenek moyang beta sultan-sultan dan para khalifah Daulah Uthmaniyyah. Kerana ini juga, beta dengan tegas takkan menerima tuntutan kalian…"

Selepas jawaban muktamad tadi mereka berpakat untuk memecat beta dan memberitahu bahawa mereka akan mengasingkan beta ke Salonika. Keputusan mereka ini telah beta terima.

Beta memuji-muji ALLAH dan terus memuji DIA kerana beta telah enggan dari mencoreng arang ke wajah Daulah Uthmaniyyah dan Dunia Islam dengan melakukan perbuatan yang

mendatangkan malu selama-lamanya jika menerima tuntutan mereka mendirikan negara bangsa Yahudi di Tanah Suci Palestin. Selepas dari peristiwa tersebut maka berlakulah apa yang telah berlaku kemudiannya. Kerana ini beta ulangi puji-pujian ke hadrat ALLAH yang Maha Tinggi, dan beta yakin apa yang telah dinyatakan tadi sudah cukup buat menjelaskan perkara penting ini lalu dengannya beta ingin menutup bicara warkah ini.

Beta mengucup kedua tanganmu yang penuh berkat duhai Tuan Syeikh, juga mengharap belas kasihmu Tuan agar sudilah apa kiranya menerima penghormatan beta dengan menyampaikan salam kepada semua ikhwan dan teman-teman.

Wahai mahaguru beta yang ditakzimkan, mohon dimaafkan bicara penghormatan panjang beta kepada Tuan, namun yang mendorong beta melakukannya adalah agar keluhuran budi Tuan mengetahui perkara ini dan jamaah Tuan juga mengetahuinya. وَالسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Khadam kaum Muslimin
Abdul Hamid Bin Abdul Majid

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله
إن الصلوة كانت على المؤمنين كتابا موقوتا



EL SÜRMEYİNİZ

17. MAUSOLEUM OF SULTAN AHMED I

Mausoleum of Sultan Ahmed I (1603–1617) is located at the northeast part of Sultanahmet Kulliye. There is a darülkurra (a part of a madrasah) behind this mausoleum surrounded with wall and a building on the corner, in front of porticos, which was a former public fountain converted into a muvakkithane (the place in which the Muslims used to get information about prayer times) in 19th century and is used as Mausoleums Museum Directorate now.

After the death of Sultan Ahmed I in 1617, the construction of the mausoleum was started in 1617-1618, during the period of Sultan Mustafa I (1617–1618/1622–1623), and completed in 1619, during the period of Sultan Osman II (1618–1622).

Sultan Ahmed I, his sons Sultan Osman II, Sultan Murad IV; Kösem Sultan (also known as Mahpeyker Sultan), daughters and sons of Ahmed I, Osman II, Murad IV and Sultan İbrahim Sultan were buried in this mausoleum. The mausoleum was arranged as a museum and opened to visit by Istanbul Mausoleums Directorate.


THE TOMB OF SULTAN AHMED
Construction of this tomb for the 14th Ottoman Sultan, Sultan Ahmed Khan I was commenced by Mustafa Khan I and was finished by Osman II (Osman the Young) The architect of the tomb was the same architect of the Sultanahmed Mosque, Sedefkâr Mehmed Agha.. The construction of the tomb was completed after three years, in the year 1619. The 16th and 17th Ottoman sultans, Osman Khan II and Murad Khan IV were buried together with Sultan Ahmed Khan I.
In addition, the Grand Dowager, Mahpeyker Kösem Sultan, who was the favorite of Sultan Ahmed Khan I, the mother of Sultan Murad Khan IV and Sultan Ibrahim Khan and the grandmother of Sultan Mehmed Khan IV also lies at rest here. Moreover, there are another 32 people, including the children of Sultan Ibrahim Khan lying in a state of rest in this tomb.
The finest example of tile, penmanship and wood carvings were brought together for the construction of the Tomb of Sultan Ahmed. The tomb is covered with tiles from the floor to above the lower row of windows. The under-glaze technique popular in the late-16th and early-17th centuries was used to emphasize floral compositions on these tiles. The Dominion Verse was inscribed with white 'sülüs' calligraphy on a dark-blue background on the tiled panels. This band of verse winds around the entire tomb. The section remaining above
T.C.
KÜLTÜR VE TURİZM
BAKANLIĞI
İSTANBUL TÜRBELER
MÜZE MÜDÜRLÜĞÜ
Closed On Mondays
ADMISSION FREE

ESMA SULTAN

Sultan
II. OSMAN HAN
SULTAN II. OSMAN HAN (GENÇ OSMAN)
İslâm Halifesi, 16. Osmanlı padişahı. Sultan I. Ahmed Han ile Mahfiruz Sultan'ın oğludur. İlk defa ayaklanmada katledilen ve en genç yaşta vefat eden padişahtır. II. Osman Han'ın tahta çıkışının ilk aylarında İran'la barış sağlanmış, böylece doğu sınırı emniyete alınmıştı. Padişahın sonraki hedefi 1617'den beri devleti uğraştıran Lehistan meselesini halletmekti. Bu gaye için sefere çıktı ancak yeniçerilerin itaatsizliği ve devlet adamları arasındaki geçimsizlikler yüzünden kesin netice alınamadı. Bunun üzerine, o güne kadarki tespitlerine dayanarak bazı ıslahatlar yapmaya karar verince, bu teşebbüsleri çıkarlarına aykırı gören çevreler isyana kalkıştılar. Sultanı ele geçiren asiler, onu Yedikule'ye getirdiler. Onbir cellât birden üzerine saldırdı. Çok güçlü olduğundan bunlarla uzun müddet boğuştuysa da, omuzuna aldığı bir balta darbesiyle yere yıkıldı ve boğularak şehit edildi.
II. Osman Han, sistemi radikal reformlara tâbi tutmak isteyen ilk padişahtır. Düşündüğü reformlar, devleti kendi iç dinamikleriyle ıslah etmeye dayanıyordu. Dini ilimler yanında fenni ilimleri de tahsil etmiştir. Arapça, Farsça, Latince, Yunanca ve İtalyanca gibi dilleri çok iyi derecede biliyordu. "Faris / Farisî" mahlasıyla yazdığı şiirlerinin toplandığı bir divanı vardır.
Osmanlı padişahları içinde zekâsı, güçlü tahsil ve terbiyesi yanında, fiziki gücü ve sağlam iradesiyle temayüz eden Sultan Genç Osman, yaşından umulmayacak derecede büyük ve mühim işlere teşebbüs etmiş fakat girişimleri sonuçsuz kalmıştır. Çocukları Şehzade Ömer ve Mustafa ile Zeynep Sultan küçük yaşlarda vefat etmiştir.

Sultan
I. AHMED HAN
SULTAN I. AHMED HAN
Islâm Halifesi ve 14. Osmanlı Padişahı. Sultan III. Mehmed Han ile Haseki Handan Sultan'ın oğludur. Şehzadelerin sancak valiliğine gönderilmeyip sarayda göz hapsine alınmaları 1. Ahmed Han ile başlamıştır. Cülûsunu müteakip şehzade Mustafa'yı hayatta bırakarak kardeş katli usulünü uygulamamıştır. Vefatından önce yerine Sultan I. Mustafa'yı nasbetmek suretiyle, saltanat değişikliklerinde rüşdünü ispat etmiş, akü melekeleri yerinde en yaşlı erkek hânedân mensubuna taht yolunu açan uygulamayı (ekberiyet ve erşediyet usulü) başlatmıştır. Hükümdarlığı mücadelelerle geçmiştir. Doğuda dedesinden ve babasından intikal eden İran meselesiyle, batıda Avusturya'ya karşı mücadeleler ile, içeride de Celalî isyanlarıyla meşgul olmuştur.
I.Ahmed Han'dan bize en büyük miras olarak İstanbul'un ufkuna bir Anka kuşu gibi oturan muhteşem Sultan Ahmed Külliyesi kalmıştır. Ayasofya'nın karşısında bugün de bir mukayese unsuru gibi dikilen bu abide, bütün görkemiyle ayaktadır.
Daha önce Mısır'da dokunup Kâbe'nin içiyle dışına kaplanan ve her yıl yenilenen Kâbe Örtüsü'nün İstanbul işliklerinde dokunup gönderilmesi Sultan I. Ahmed devrinde başlamıştır.
Ecdâdı ve ahfâdı gibi Sultan Ahmed de şiire yatkındı. "Bahtî" mahlasıyla yazdığı şiirleri, küçük bir divân teşkil edecek zenginliktedir. Sarığı üzerine koyduruduğu Hz. Peygamber'in ayak izi üstüne kendi şiir kıtasını yazdıracak kadar peygamber aşığı ve çok dindar bir padişahtır.
Bilinen hasekileri Mahfiruz ve Mahpeyker (Kösem) Sultanlardır. Oğullarından Osman (II), Murad (IV) ve İbrahim padişah olmuşlardır. Mehmed, Bayezid, Süleyman, Kasım adlı şehzadeleri de vardır. Selim ve Hüseyin isimli oğulları küçük yaşta vefat etmişlerdir. Kızları Hanzâde, Aişe, Atike, Übeyde, Fatma ve Gevherhan Sultanlardır.


YARDIM SANDIĞI
DONATION BOX
صندوق شرعات

II. ABDÜLHAMİD



ہو الخلاق الباقی
قطب العارفین وغوث الواصلین
الشیخ محمد ظافر المدنی الشاذلی
حضرتلرینک حرمی دیلجی خادمک
روحنہ الفاتحہ
سنہ ۱۳۳۰

CAMİİ
GİRİŞİ
BEŞİKTAŞ MÜFTÜ
ERTUĞRUL TE
CAMİİ

KUTBÜL ARİFİN
ŞEYH MUHAMMED ZÂFİR (r.a)
(1828 - 1903)

KUTBUL ARIFIN

محمد
الله

امیر المؤمنین عبد الحمید خان خدا آگاه
طریق حق رسان شاذلییه یاپدی بو درگاه
محقق روح پاک شاذلی قربا الهیده
بقاجوی کمال شوکت و اجلالیدر هرگاه

C
KAPISI
GİRİŞ
C
KAPISI
GİRİŞ

سلام عليكم ادخلوها بسلام آمنين

وعجلوا بالتوبة قبل الموت
HOLY QURAN
СУРА ИХЛАС 112:
1- Скажи: "Он - Аллах единый,
2- Аллах не нуждающийся,
3- Он не родил и не был рожден
4- Нет и не было равного Ему!"
SURAH AL-IKHLAS 112:
1- Say, O Prophet, "He is Allah---One and Indivisible
2- Allah---the Sustainer needed by all
3- He has never had offspring, nor was He born
4- And there is none comparable to Him."

ابو ايوب الانصاري

(هذه كنيته)

واسمه خالد بن زيد بن كليب بن ثعلبة بن عبد عوف بن غنم بن
مالك بن النجار واسمه النجار.
تيم الله بن ثعلبة بن عمرو بن الخزرج الاكبر ابو ايوب الانصاري
الخزرجي وامه هند بنت سعيد بن عمرو بن امرئ القيس بن مالك
بن ثعلبة بن كعب بن الخزرج وهو مشهور بكنيته (ابو ايوب الانصاري)
شهد العقبة وبدرا واحدا والمشاهد كلها مع رسول الله صلى الله عليه
وسلم ولما قدم رسول الله صلى الله عليه وسلم المدينة مهاجرا نزل عليه و
اقام عنده حتى بني حجره ومسجده وانتقل اليها.
وتوفي ابو ايوب الانصاري سنة اثنين وخمسين هجرية وكان في
جيش يزيد بن معاوية بحصار القسطنطينية فمرض ابو ايوب فعاده يزيد فقال له ما
حاجتك فقال ابو ايوب: حاجتي اذا انا مت فاركب ثم اسع في ارض العدو
وما وجدت مساغا فادفني ثم ارجع، فتوفي ففعل الجيش ذلك ودفنوه بالقرب
من القسطنطين. فهذا قبره رضي الله عنه

(نقل من كتاب اسد الغابة في معرفة الصحابة
لابن الاثير الجزري)

Bu Kitabe Libya Kralı İdris Ebsenusi
hazretleri tarafından EYYÜB Sultan
hazretlerinin türbesine hediye edilmiştir.
1957

B
KAPISI
GİRİŞ
B
KAPISI
GİRİŞ



الله
ابوبكر

EYÜP SULTA
TÜRBESİ
BAĞIŞ KABU
YERİ

İSTANBUL'UN
MANEVÎ FATİHİ
AKŞEMSÜDDİN
MEHMED
EBU EYYÛB IL-ENSARİNİN
BURADAKİ KABRİNİ 784
SENE SONRA KEŞFETMİŞDİR.
VEFATI
HİCRİ 863 REBİ'Ü L-EVVEL
VE MİLADİ 1459
KANUNUSANİ SONUNDADIR.
GÖYNÜK'DE MEDFUNDUR.
İSTANBUL FETHİ DERNEĞİ 1953
2007
YÛP SULTAN CAMİİ

A
KAPISI
ÇIKIŞ
A
KAPISI
ÇIKIŞ
vodafone

وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين
TÜRKİYE
DİYANET VAKFI

عينا يشرب بها المقربون

C
KAPISI
ÇIKIŞ
C
KAPISI
ÇIKIŞ



NİŞANCI
MİR AHMED PAŞA
FATİH SULTAN MEHMET ve
SULTAN II. BEYAZID VELİ
DEVRİNDE YAŞAMIŞTIR
BAKANLIĞI
T.C. KÜLTÜ

محمد الله
لا اله الا الله محمد رسول الله